

D609

U B350 DEB
MT - EKONOMI

KUALA LUMPUR, 23 MAC (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI UMNO HARI INI MENGAMBIL KEPUTUSAN MENGGESA MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI MENYEGERAKAN URUSAN MENGENAI PEMBINAAN 80,000 RUMAH KOS RENDAH DI SELURUH NEGARA SETAHUN.

PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA PEMBINAAN RUMAH ITU ADALAH SATU USAHA UNTUK MENGURANGKAN BEBAN PENGANGGURAN AKIBAT KEMELESETAN EKONOMI NEGARA SEKARANG.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN PADA SIDANG AKHBAR DI KOMPLEKS UMNO DI SINI SELEPAS MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI YANG BERLANGSUNG SELAMA ENAM JAM.

PERDANA MENTERI BERKATA MESYUARAT ITU JUGA MEMBINCANGKAN MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH PARA PENIAGA KECIL DAN PENJAJA.

+ KAMI MENGANGGAP KEGIATAN PARA PENIAGA KECIL DAN PENJAJA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA KEGIATAN EKONOMI YANG BOLEH MENGATASI PENGANGGURAN DI KALANGAN RAKYAT, + KATA BELIAU. -- LAGI.
1933MST 23 03 86

U B351 DEB
MT - EKONOMI 2 KUALA LUMPUR

SEMALAM PERDANA MENTERI TELAH MENGUMUMKAN BAHAWA KERAJAAN AKAN MEMPERUNTUKKAN SEBANYAK \$30 JUTA KEPADA KERAJAAN-KERAJAAN NEGERI UNTUK MEMBANTU KEGIATAN PARA PENIAGA KECIL DAN PENJAJA.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA MAJLIS TERTINGGI TELAH MENANGGUHKAN TARIKH PERAYAAN ULANG TAHUN KE-40 UMNO YANG DIJADULAKAN PADA 11 MEI DEPAN KERANA TARIKH ITU JATUH PADA BULAN PUASA.

BELIAU BERKATA TARIKH BARU AKAN DITETAPKAN KEMUDIAN.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA PADA MALAM 11 MEI ITU, SEMUA BAHAGIAN UMNO AKAN MENGADAKAN MAJLIS TAHLIL Masing-masing. --
BERNAMA.

1935MST 23 03 86